

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Potensi industri pelancongan sebagai penjana ekonomi baru negara hanya dapat direalisasikan jika usaha-usaha memaju dan membangunkan industri pelancongan diberi penekanan yang sewajarnya. Kepelbagaian sumberjaya dan produk-produk pelancongan yang menarik dan bertaraf antarabangsa merupakan satu tarikan. Sehubungan dengan itu pendekatan yang jitu perlu disusun bagi meningkatkan bilangan kedatangan dan kemasukan pengunjung di samping menggalakkan pelancong membuat lawatan ulangan. Diantara salah satu pendekatan yang digunakan untuk mempromosikan industri pelancongan pada masa kini ialah dengan menggunakan blog.

Blog ialah sebutan ringkas bagi weblog. Ia adalah sebuah diari atau jurnal online yang menyenaraikan pendapat atau pandangan tidak rasmi dan menghubungkan maklumat dengan pihak ketiga secara berkala tentang sesuatu topik khusus dan biasanya disusun mengikut kronologi. Blog mengandungi maklumat yang menggambarkan minat, pemikiran atau pendapat serta mengikut

kronologi iaitu maklumat yang terbaru diletakkan di bahagian atas. Ia mudah dikemaskini tanpa memerlukan pengaturcaraan dan membolehkan pembaca memberikan komen dan ulasan.

Menurut Weil (2006), blog adalah :

“ a frequent , chronological publication of personal thoughts and web links”

Wu (2005), blog adalah :

“ in principal, a blog is mot different from webpage, however, a blog can be created with the touch of mouse clicks and no experience in web authoring is needed”

“.... Blog merupakan laman web yang memudahkan interaksi seponan, anda boleh berkongsi minat dan kepakaran melalui blog...” (Rosli Jamal, 2007)

Dari petikan di atas dapatlah dirumuskan bahawa blog dapat meletakkan kedudukan produk serta menyebarkan maklumat serta pengguna dapat mengetahui apa yang berlaku dipersekitarannya.

1.2 LATARBELAKANG KAJIAN

Perseus Development Corporation mendapati daripada 4.12 juta blog yang dibina menggunakan program perkhidmatan blogging seperti *Blog-City, Blogspot, Diaryland, Live Journal, Pitas, TypePad, Weblogger dan Xanga*, 2.72 juta blog telah ditinggalkan selepas dua bulan. Malah lebih memeranjatkan 1.09 juta blog hanya dibina untuk selama sehari sahaja dan ditinggalkan oleh blogger. Langkah ingin mencuba sesuatu yang baru dan canggih seperti blog memang baik sekali. Namun lebih bermanfaat lagi jika amalan yang baik itu dapat dibuat secara berterusan. Ini memerlukan ilmu dan kehendak yang mantap.

Pelancongan telah ditafsirkan sebagai industri yang terbesar di dunia (Goeldner and Richie, 2003.) Peranan utama industri pelancongan adalah menyediakan produk-produk pelancongan kepada sarannya. Medium yang terbaik dalam menyalurkan maklumat yang terkini dan bersifat interaktif kepada pelancong adalah melalui blog. Walau bagaimanapun berdasarkan dapatan pengkaji, beberapa kenyataan isu dan masalah dikenalpasti dalam kajian ini iaitu :

- Blog sebagai sumber maklumat industri pelancongan di Malaysia merupakan perkara yang baru (di peringkat awal) dan belum ada kajian mengenai potensi blog dalam menyalurkan maklumat untuk pembangunan produk pelancongan dan belum terbukti kesesuaiannya untuk dilaksanakan di Malaysia.
- Program blog dalam arena pelancongan masih tidak begitu menggalakkan dan tidak menentu, malah ia masih mencari halatuju untuk menjadi sebuah

program yang kukuh dalam pembangunan pelancongan. Ini disebabkan program ini masih kurang teratur malah program ini tidak dipromosikan secara menyeluruh dan lebih khusus.

- Setakat ini, Kementerian Pelancongan, agensi-agensi pelancongan yang aktif dalam industri pelancongan tidak mempunyai model kepada pembangunan pelancongan yang berkonsepkan dan menggunakan blog.

1.3 PENYATAAN PENYELIDIKAN

Persoalannya disini adalah, “Mampukah Blog Menjadi Wadah Sebaran Maklumat Dalam Industri Pelancongan di Malaysia?” Blog merupakan laman web yang memudahkan interaksi spontan (Rosli Jamal, 2007) . Melalui blog perkongsian minat dan kepakaran akan membentuk satu komuniti yang akan memberi peluang kepada semua sasarannya mengetahui dan menggambarkan apa yang berlaku di lokasi yang sebenar.

Dalam industri pelancongan, salah satu medium yang boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat secara efisien adalah melalui blog. Melalui blog banyak aktiviti dan kreativiti boleh diketengahkan seperti menggunakan animasi, audiovisual, power point dan podcast (Melalui Podcasting, suara dan muzik boleh dimuat turun dan dimainkan semula ke alat pemain MP3, ipod, telefon bimbit atau komputer peribadi). Sehubungan dengan itu, blogger seharusnya

memastikan produk yang mereka promosikan menerima pengiktirafan supaya produk itu dilihat bermutu dan bernilai.

1.4 MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji sejauhmana keberkesanan blog sebagai medium penyebaran maklumat dalam industri pelancongan di Malaysia.

Bagi mencapai matlamat kajian, objektif yang digariskan adalah:

- i. Mengenalpasti kesesuaian dan peranan blog sebagai media sebaran maklumat dalam industri pelancongan.
- ii. Mengenalpasti potensi blog sebagai alat pemasaran dan promosi dalam industri pelancongan.
- iii. Mengenalpasti isu dan masalah blog dalam pelaksanaannya dalam industri pelancongan.
- iv. Mengemukakan cadangan dan kaedah yang sesuai untuk mengatasi isu dan masalah yang timbul dalam blog.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian adalah bertujuan untuk memperincikan lagi kajian yang akan dijalankan :

- i. Apakah peranan blog yang bersifat interaktif dan dikemaskini mengikut kronologi dapat memberi kepuasan kepada pihak ketiga.
- ii. Adakah blog berpotensi menjadi media alternatif sebaran maklumat.
- iii. Adakah blog dapat berfungsi sebagai alat promosi dan pemasaran secara berkesan dan cepat.
- iv. Apakah bentuk cadangan yang sesuai untuk mengatasi isu dan masalah yang timbul dalam pelaksanaan blog.

1.6 SKOP KAJIAN

Bidang kajian akan lebih menumpukan kepada blog sebagai medium maklumat dalam industri pelancongan di Malaysia yang berpotensi menjadi pilihan. Untuk mencapai matlamat kajian yang telah digariskan, terdapat beberapa aspek kajian yang akan dikaji berdasarkan kepada kemampuan pengkaji dan jangka masa kajian yang terhad. Oleh itu, bidang kajian ini merangkumi aspek-aspek skop kajian seperti berikut:

- i. Mengenalpasti blog sebagai penyampai maklumat yang efektif dan kondusif.

Kajian ini akan mengenalpasti samada blog mampu secara efektif berfungsi sebagai saluran informasi dalam industri pelancongan berdasarkan maklumat yang diberikan oleh responden.

- ii. Mengenalpasti potensi blog untuk digunakan sebagai media alternatif penyebaran maklumat dalam industri pelanconga.
- iii. Mengenalpasti kepentingan untuk menerapkan blog sebagai medium sebaran maklumat dalam industri pelancongan di Malaysia.
- iv. Kajian ini dibataskan dalam kawasan kajian iaitu bandar Johor Bahru.
- v. Kajian ini menghasilkan cadangan yang sesuai untuk membangunkan blog sebagai salah satu kaedah pemasaran yang berkesan serta berpotensi untuk digunapakai dan dilaksanakan di Malaysia.

1.7 KAEDAH PENYELIDIKAN

Kaedah yang digunapakai dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dimana kaedah temubual berstruktur dan tidak berstruktur digunakan. Kaedah ini dirasakan sesuai bagi pengkaji untuk mengenalpasti isu dan masalah sesuatu perkara disamping kekangan masa yang timbul. Penggunaan kaedah kualitatif ini disokong oleh Taylor dan Bogdan (1984:81) yang mengatakan :

“Interviewing makes the most efficient use of the time for researches with limited time. Studies based on interviewing usually can be completed in a shorter period”

Rangka kerja penyelidikan adalah merupakan rumusan terhadap langkah kajian yang akan dijalankan mengikut peringkat yang lebih sistematik. Secara umumnya, metodologi kajian yang akan dijalankan ini akan dibahagikan kepada empat peringkat utama sepertimana yang terdapat di dalam rajah 1.1. Ia merangkumi :

1.7.1 Peringkat Awalan

Peringkat ini merupakan peringkat dimana isu dan masalah dikenalpasti, membentuk matlamat dan objektif serta menyusun rangka kaedah penyelidikan secara keseluruhan. Peringkat ini juga adalah merupakan peringkat pembentukan pengenalan dan rangkakerja asas kajian.

Pada peringkat ini, kajian literatur juga telah dijalankan bagi melihat potensi untuk mengkaji masalah dan isu tersebut. Rujukan terhadap kajian-kajian terdahulu juga dilakukan bagi mendapatkan gambaran bagaimana isu ini akan dikembangkan menjadi satu medium yang terbaik.

Bagi memahami kajian yang dijalankan, pengkaji mendapatkan bahan dari pelbagai sumber. Antaranya teknik temubual bersama-sama pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung seperti *Tourism Malaysia* (Negeri Johor), Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor, Agensi-agensi pelancongan (seperti dalam jadual 1.1) di negeri Johor. Pengkaji merasakan perlunya pemahaman awal terhadap potensi blog sebagai sumber maklumat industri pelancongan di Malaysia.

1.7.2 Kajian Teoritikal

Kajian peringkat ini dilakukan bagi mendapatkan kefahaman yang lebih mengenai tajuk kajian dan sebagai langkah bagi mendapatkan rangka teori yang sesuai bagi dijadikan landasan kepada kajian yang dilakukan. Kajian ini melibatkan rujukan ilmiah, jurnal, kajian terdahulu di samping mengetahui pendekatan yang telah digunakan di luar negara di dalam merealisasikan potensi blog sebagai sumber maklumat kepada industri pelancongan.

Secara ringkasnya, bahagian ini memerlukan pengkaji memahami bidang kajian secara teoritikal dengan lebih terperinci. Ia bertujuan untuk memberi pemahaman, pendedahan dan gambaran yang lebih jelas terhadap kajian yang akan dijalankan agar ia mudah diadaptasikan ke atas kawasan kajian kelak.

1.7.3 Pengumpulan Data

Peringkat ini merupakan peringkat terpenting dalam kajian. Tujuan utama peringkat ini adalah bagi mendapatkan data-data primer dan sekunder yang akan digunakan bagi tujuan analisis. Terdapat dua jenis maklumat yang dikumpulkan iaitu :

- Data primer hasil temubual daripada pihak yang terlibat dengan kajian. Data ini didapati dari temubual secara bersemuka atau menggunakan telefon dengan responden yang terlibat.
- Data sekunder seperti data-data yang diperolehi daripada jabatan yang berkaitan dengan skop kajian.

Teknik temubual tidak berstruktur digunakan yang mementingkan penerokaan idea ataupun perbincangan terbuka. Ia dilakukan dalam situasi tidak formal. Kaedah ini memberi peluang pengkaji meneroka dan membuat interpretasi mengenai perasaan dan ideanya sendiri. Pengkaji juga menggunakan soalan terbuka sebagai panduan untuk memprovokasi responden. Perbualan ini dirakamkan supaya mudah bagi pengkaji meneliti kembali persoalan isu kajian.

Responden dalam skop kajian ini termasuklah *Tourism Malaysia* (Johor), Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor dan Agensi-agensi pelancongan yang terdapat di negeri Johor. Responden ini akan memberikan pendapat dan

pandangan akan potensi blog sebagai sumber maklumat industri pelancongan di Malaysia. Dari matlamat dan objektif kajian, responden ini telah dipilih berdasarkan kepentingan mereka dalam kajian ini.

1.7.4 Analisis Data

Pada peringkat ini, semua data akan dianalisis menggunakan teknik dan kaedah yang bersesuaian. Data-data temubual dianalisis secara manual iaitu dalam bentuk perilahan mengikut tema-tema dan aspek-aspek yang dikehendaki (Thematic Framework). Bagi mendapatkan tema, proses analisis data dilakukan berselang-seli dengan proses pengumpulan data. Sepanjang proses pengumpulan dan analisis data, tema-tema tersebut diperkemas bagi membolehkan ia mewakili sepenuhnya pengalaman responden. Secara ringkasnya ia dapat menentukan potensi blog dalam industri pelancongan dalam penyebaran maklumat. Setelah penganalisan, penemuan kajian akan menentukan situasi serta bentuk tindakan yang akan dirancang bagi menjawab dan mengatasi permasalahan yang wujud.

1.8 Hasil Akhir Penyelidikan

Di dalam peringkat akhir ini, penemuan kajian berdasarkan hasil analisis yang telah dijalankan akan dilakukan. Hasil akhir ini adalah untuk menentukan

potensi blog sebagai sumber maklumat industri pelancongan di Malaysia sebagai salah satu pilihan yang efektif dalam pembangunan pelancongan.

Pembentukan cadangan adalah hasil daripada penemuan kajian yang telah dikenalpasti. Cadangan yang dikemukakan juga adalah berdasarkan senario pembangunan pelancongan semasa selari dengan matlamat kajian yang telah dibentuk pada peringkat awal.

1.9 Kepentingan Kajian

Diharapkan kajian ini akan memberikan sumbangan kepada Kementerian Pelancongan dalam meningkatkan aktiviti pemasaran melalui internet secara lebih interaktif. Dari segi program dalam blog, produk pelancongan dapat diketengahkan dengan lebih efisien dan terkini serta membicarakan sesuatu topik lebih khusus.

Memandangkan industri pelancongan telah menjadi industri kedua terbesar di Malaysia, maka pengkaji merasakan adalah penting kajian ini dilakukan bagi meletakkan kedudukan produk pelancongan lebih stabil melalui blog. Melalui blog, pembaca merasa lebih mudah memperolehi maklumat kerana ia mengandungi pautan kepada sumber maklumat lain yang membicarakan tema dan topik yang relevan. Dengan ini pembaca tersebut berpeluang mendapat

maklumat yang menyeluruh dan terkini daripada sumber maklumat dan rujukan yang pelbagai.

Kepentingan program ini kepada negara ialah mampu menarik kedatangan pelancong sama ada pengunjung harian ataupun pelancong yang datang untuk tujuan tertentu ke kawasan-kawasan tarikan.

2.0 Rumusan Penemuan Kajian

Bahagian ini membentangkan penemuan utama kajian ini. Sebahagian daripada petikan temubual digunakan untuk menyokong penemuan dan perbincangan hasil kajian. Secara umumnya penemuan kajian dilihat menurut persoalan kajian.


Justeru itu, hasil daripada kajian ini digunakan oleh pihak yang terbabit untuk mengenalpasti potensi yang terdapat pada pengisian program blog tersebut. Secara langsung usaha ini dapat memberi galakan kepada peningkatan bilangan kemasukan pelancong selain daripada menggalakkan pelancong untuk membuat lawatan berulang ke kawasan tersebut.

Diharap hasil kajian ini dapat mencapai matlamat dan objektif yang dibentuk. Selain itu, bahagian ini merupakan panduan asas yang akan membantu pengkaji dalam menjayakan penyelidikan secara terancang dan teratur bagi


mencapai matlamat kajian. Perbincangan yang kritis juga diperlukan bagi mengukuhkan rumusan penemuan kajian seterusnya dapat menunjukkan kepentingan kajian ini dilakukan.

Rajah 1.1 :Carta Alir Pendekatan Kajian


PERINGKAT 1



PERINGKAT 2



PERINGKAT 3



PERINGKAT 4

